THE CHAIRMAN, BOARD OF DIRECTORS ASSUNTA HOSPITAL

lwn.

S. S. GILL & SATU LAGI & SATU LAGI KES

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H
[RAYUAN SIVIL NO. 11-1-92]
28 FEBRUARI 1995

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: *Tindakan terhadap pengerusi dan lembaga pengarah hospital dan bukan hospital sendiri - Entiti yang berasingan - Samada tindakan diambil terhadap pihak yang betul.*

AMALAN & PROSEDUR: *Pindaan - Permohonan responden untuk meminda nama pihak - Kelengahan yang lama - Samada perayu diprejudiskan - Samada pindaan mengakibatkan penukaran dalam corak tindakan - Samada tidak konsisten dengan tindakan asal.*

[**English** Translation of Catchwords]

COMPANY LAW: *Action instituted against chairman and board of directors instead of the hospital - Separate legal entities - Whether claim made against the correct party.*

PRACTICE & PROCEDURE: *Amendment - Respondent applying to amend name of party - Gross delay - Whether appellant prejudiced - Whether amendment having effect of changing character of the action - Whether inconsistent with original action.*

Ini adalah rayuan perayu (defendan) terhadap keputusan Mahkamah Majistret memberi penghakiman menyebelahi responden (plaintif). Alasan rayuan adalah bahawa perayu merupakan pihak yang salah untuk disaman dan bahawa tindakan terhadap perayu tidak berasas sama sekali. Tindakan dimulakan terhadap Pengerusi dan Lembaga Pengarah Hospital Assunta dan bukannya terhadap Hospital Assunta yang merupakan satu badan yang telah didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai entiti undang-undang sendiri. Responden semasa rayuan memohon untuk meminda pernyataan tuntutannya.

Persoalan yang perlu dipertimbangkan Mahkamah adalah (1) samada permohonan untuk pemindaan itu *bona fide* (2) samada kemudaratan yang dilakukan kepada sebelah pihak boleh dipampas dengan kos dan (3) samada pindaan itu pada kesannya tidak menjadikan sesuatu tindakan itu berubah daripada satu ciri kepada satu ciri yang lain dan tak konsisten.

Diputuskan:

[1] Pindaan dipohon boleh memudaratkan defendan kerana pliding di dalam tindakan telah ditutup, perbicaraan telah tamat dan had masa telah bermula. Tuntutan terhadap Hospital Assunta telah terhalang disebabkan tempoh had masa kontraktual telah lupus dan sekiranya para plaintif menyaman Hospital Assunta maka defendan boleh bergantung pada pembelaan had masa.

[2] Sekiranya dibenarkan pindaan, tindakan bertukar ke corak lain dan tidak konsisten lagi. Tindakan yang pada mulanya adalah terhadap Pengerusi dan Lembaga Pengarah Hospital Assunta, akan bertukar corak menjadi tindakan terhadap sebuah syarikat pula. Tambahan pula terdapat kelengahan yang sangat lama. Kedua-dua saman telah difailkan 8 tahun dan 10 tahun lalu. Plaintif walaupun telah diberi notis mengenai kesalahannya masih gagal untuk membuat permohonan pindaan.

[3] Sesebuah syarikat hendaklah didakwa atas nama perbadanannya. Prinsip asas entiti undang-undang adalah ahli-ahli sesebuah syarikat adalah berasingan entitinya daripada entiti syarikat itu sendiri. Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat adalah sebuah pertubuhan perbadanan dan boleh mendakwa atau didakwa atas nama perbadanannya. Perbadanan mempunyai perwarisan kekal dan suatu meterai biasa dengan kuasa untuk memegang tanah tetapi dengan tanggungan tertentu di pihak ahli-ahli untuk menyumbang kepada aset-aset syarikat sekiranya ia digulungkan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Syarikat 1965. Adalah nyata bahawa para pemiutang Hospital Assunta tidak boleh mendapatkan penyelesaian daripada aset ahli-ahlinya. Begitu juga para pemiutang ahli-ahli Hospital Assunta tidak mempunyai hak ke atas aset Hospital Assunta.

[Rayuan dibenarkan dengan kos].

Kes-kes yang dirujuk:
Alloy Automotive Sdn. Bhd. v. Perusahaan Ironfield Sdn. Bhd. [1986] 1 MLJ 382 ***(dirujuk)***
The Owners of the Ship or Vessel 'Kusu Island' v. The Owners of Cargo Lately Laden On Board The Ship or Vessel 'Brani Island" [1989] 2 1306 ***(diikuti)***
Solomon v. Solomon [1987] AC 22 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Syarikat 1965, s. 16(5)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 2

Sumber-sumber lain yang dirujuk:
The Supreme Court Practice, 1993 Vol. 1 para. 20/5 - 8/20
Halsbury's Laws of England, 4th Edn., para. 765
A Guide to the Companies Act, A. Ramaiya, 4th Edn.

Bagi pihak plaintiff/responden - B. Inderjit Singh; T/n. B. Inderjit Singh
Bagi pihak defendan/perayu - Charanjeet Kaur Kang; T/n. Skrine & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Ini adalah rayuan pihak defendan. Pihak defendan merayu terhadap keputusan yang diberikan oleh Mahkamah Majisteret Petaling Jaya pada 10 Januari 1989. Mahkamah Majistret Petaling Jaya memutuskan bahawa defendan membayar plaintif S. S. Gill sebanyak RM3,635.82 dengan bunga pada kadar 8% setahun bermula pada 10 Januari 1989 sehingga tarikh penghasilan dan kos sebanyak RM578.50 dan plaintif Dato (Dr.) R. Menon sebanyak RM25,000 dengan bunga pada kadar 8% setahun bermula pada 10 Januari 1989 sehingga tarikh penghasilan dan kos sebanyak RM2,922.50. Pihak defendan telah memfailkan notis rayuan pada 18 Januari 1989. Dalam memorandum rayuannya bertarikh 3 Januari 1992 pihak defendan telah mengemukakan 11 alasan. Alasan kesebelas berbunyi:

> Perayu berniat untuk menimbulkan suatu alasan lanjut bahawa perayu adalah pihak yang salah untuk disaman oleh responden-responden dan bahawa tindakan terhadap perayu adalah tidak berasas sama sekali.

Alasan inilah yang dibangkitkan oleh pihak defendan sekarang. Mula-mula sekali perlu diperhatikan bahawa apabila notis mengenai alasan kesebelas itu diberikan kepada para plaintif pada bulan Januari 1992 para plaintif tiada membuat sebarang permohonan untuk meminda pernyataan tuntutannya pada masa itu akan tetapi cuba memohonnya sekarang. Adalah sudah menjadi suatu prinsip am bahawa pindaan hanya dibenarkan sekiranya pindaan itu tidak menyebabkan berlakunya ketidakadilan kepada pihak-pihak. Tiga persoalan asas hendaklah dipertimbangkan iaitu (a) samada permohonan untuk pindaan itu *bona fide* (b) samada

kemudaratan yang dilakukan kepada sebelah pihak boleh dipampas dengan kos dan (c) samada pindaan itu pada kesannya tidak menjadikan sesuatu tindakan itu berubah daripada satu ciri kepada satu ciri yang lain dan tak konsistent. (Lihat kes *Alloy Automotive Sdn. Bhd. v. Perusahaan Ironfield Sdn. Bhd.* [1986] 1 MLJ 382 di halaman 384). Dalam kes kita pindaan yang dipohon itu memudaratkan si defendan oleh kerana pliding dalam tindakan ini telah ditutup, perbicaraan telah tamat dan had masa telah bermula. Tuntutan terhadap Hospital Assunta telah terhalang disebabkan tempoh had masa kontraktual telah lupus dan sekiranya para plaintif menyaman Hospital Assunta maka si defendan boleh bergantung pada pembelaan had masa. Dalam kes *The Owners of the Ship or Vessel 'Kusu Island' v. The Owners of Cargo Lately Laden On Board The Ship or Vessel 'Brani Island"* [1989] 2 1306:

> ... the writ was taken out only against the res 'Brani Island' initially and was taken prior to the expiry of the limitation period. The amendment to include 'Senang Island' and 'Kusu Island' was made after the expiry of the period of limitation. If the respondents took out writ *in rem* against 'Senang Island' and 'Kusu Island' at the date claiming for the same damage that claim would have been time-barred. It would then be too late to invoke the admiralty jurisdiction *in rem* against them or either of them ... an action *in rem* against a proposed ship can be defeated by a plea of limitation, the plaintif cannot escape the consequence by seeking to add the proposed ship at the res in a pre-existing action *in rem*...

Jadi dalam kes kita sekiranya pindaan yang dipohon oleh para plaintif itu dibenarkan, maka ianya adalah dikira bagi menggagalkan pembelaan had masa defendan.

Lagipun sekiranya dibenarkan pindaan itu ianya bermakna tindakan itu telah bertukar ke corak lain dan tidak konsisten lagi. Dalam keadaan kes ini tindakan yang pada mulanya adalah terhadap pengerusi dan lembaga pengarah hospital Assunta akan bertukar corak menjadi tindakan terhadap sebuah syarikat pula. Tambahan pula terdapat kelengahan yang sangat lama di sini. Kedua-dua buah saman telah difailkan pada tahun 1985 dan 1987 kira-kira 8 tahun dan 10 tahun yang lalu. Sebaliknya pihak defendan sebaik sahaja menyedari pihak yang salah telah didakwa telah memberikan notis dalam memorandum rayuannya pada bulan Januari 1992 dan para plaintif pada masa itu sungguhpun telah diberi notis masih tidak membuat permohonan untuk pindaan. Dalam *The Supreme Court Practice* 1993 Vol. 1 para. 20/5 - 8/20 menyatakan:

> A slight delay is not a sufficient ground for refusing leave. But if on application which could easily have been made at a much earlier stage of the proceedings be delayed till after evidence given and a point of law argued, leave may be refused (*James v. Smith* [1981] 1 Ch 384 ...

Dalam kes ini saya berpendapat si defendan tidak melanggari A. 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT) dan tidak terdapat sebarang "waiver".

Perkara pokok di sini adalah bahawa sesebuah syarikat hendaklah didakwa atas nama perbadanannya (lihat s. 16(5) Akta Syarikat 1965). Hospital Assunta telah didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan dengan demikian mempunyai entiti undang-undangnya sendiri. Prinsip asas entiti undang-undang adalah ahli-ahli sesebuah syarikat adalah berasingan entitinya daripada entiti syarikat itu sendiri (lihat *Solomon v. Solomon* [1987] AC 22). Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat adalah sebuah pertubuhan perbadanan (body corporate) dan boleh mendakwa atau didakwa atas nama perbadanannya. (Lihat *Halsbury's Laws of England* 4th Edn, para. 765). Ini adalah perkara asas dalam undang-undang syarikat. Ianya tidak boleh dianggap sebagai suatu luar aturan dan boleh diatasi di bawah A. 2 KMT. Entiti perbadanan itu adalah berasingan sama sekali daripada entiti pemegang sahamnya. Perbadanan

itu mempunyai pewarisan kekal dan suatu meterai biasa dengan kuasa untuk memegang tanah tetapi dengan tanggungan tertentu di pihak ahli-ahli untuk menyumbang kepada aset-aset syarikat sekiranya ia digulungkan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Syarikat 1965. Adalah nyata di sini bahawa para pemiutang Hospital Assunta tidak boleh mendapatkan penyelesaian daripada aset ahli-ahlinya. Begitu juga para pemiutang ahli-ahli Hospital Assunta tidak mempunyai hak ke atas aset Hospital Assunta itu. Dalam buku "*A Guide to the Companies*' Act 4th Edition oleh A. Ramaiya" dinyatakan bahawa:

> The true legal position in regard to the character of a corporation or a company which owes its incorporation to a statutory authority is not in doubt or dispute. The corporation in law is equal to a natural person and has a legal entity of its own. The entity of the corporation is entirely separate from that of its shareholders; it bears its own name and has a seal of its own; its assets are separate and distinct from those of its members; it can sue and be sued exclusively for its own purpose; its creditors cannot obtain satisfaction from the assets of its members; the liability of the members or shareholders is limited to the capital invested by them; similarly the creditors of the members have no right to the assets of the corporation. This position is well-established ever since the decision in the case of *Solomon v. Solomon* [1897] A C 22 was pronounced in 1897 and indeed it has always been the well-recognised principle of common law.

Akhir sekali Peguambela yang bijaksana bagi pihak para plaintif telah menghujahkan bahawa di dalam pernyataan tuntutan terpindanya bertarikh 27 Julai 1985 telah disebut dengan jelas di dalam perenggan dua bahawa si defendan adalah sebuah "corporation; oleh sebab itu beliau berhujah tiada sebarang kekeliruan mengenai pihak yang mana telah didakwa. Saya berpendapat bahawa isunya di sini adalah soal entiti. "The Chairman Board of Directors Assunta Hospital" adalah seorang manusia dan bukannya sebuah "corporation" seperti yang dihujahkan oleh Peguambela tersebut. "The Chairman" mempunyai entiti yang berasingan daripada Hospital Assunta. Hospital Assunta "pula di sisi undang-undang sama seperti manusia biasa mempunyai entitinya sendiri". Ianya boleh didakwa atau mendakwa atas nama perbadanannya itu iaitu Hospital Assunta. Jadinya di sini, ianya bukanlah mengenai kekeliruan akan tetapi perbezaan yang penting di sisi undang-undang mengenai entiti yang mempunyai akibat undang-undang tersendiri. Entiti sesebuah syarikat atau corporation adalah berasingan sama sekali daripada entiti pemegang sahamnya. Di sini "The Chairman" adalah seorang manusia sementara "Hospital Assunta" adalah sebuah syarikat atau corporation. Persoalannya siapakah yang hendak disaman atau didakwa oleh para plaintif?

Dengan alasan di atas saya membenarkan rayuan ini dengan kos.